



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN
MASYARAKAT

SEMPENA
HARI WANITA 2019
8 MAC (JUMAAT), 2019

TEMA
“*BALANCE FOR BETTER*”
“SEIMBANG UNTUK SEJAHTERA”

DEWAN PERDANA NUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

(SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama pagi ini untuk meraikan sambutan Hari Wanita 2019 peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dengan persiapan untuk menganjurkan majlis ini dan berasa gembira melihat suasana yang meriah di sini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua warga kementerian yang dapat hadir ke majlis ini sebagai tanda penghargaan kita kepada sumbangan besar yang telah diberikan oleh warga wanita. Saya berharap kita akan dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih mesra. Sebagai satu keluarga yang besar saya yakin program ini akan mengukuhkan lagi perhubungan yang sedia terjalin antara kita.
3. Kepada warga lelaki yang hadir, syabas jua saya ucapkan atas sokongan yang telah diberikan. Majlis ini dianjurkan sebagai merai dan memberi penghargaan kepada warga kerja wanita di semua peringkat atas sumbangan mereka kepada kementerian, khususnya, dan pembangunan negara, amnya.
4. Bagi diri saya sendiri, saya berharap agar sambutan ini dapat meningkatkan kesedaran semua pihak akan pelbagai peranan yang

dimainkan oleh wanita secara aktif dalam membangun potensi diri bagi manfaat keluarga, masyarakat dan pembangunan negara. Bak kata orang,

*Padi segemal kepuk di hulu
Taburan benih tumbuhnya melata
Tenaga wanita berkongsi ilmu
Menabur bakti untuk negara*

TEMA: SEIMBANG UNTUK SEJAHTERA atau *BALANCE FOR BETTER*

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Hari Wanita disambut meriah setiap tahun di peringkat antarabangsa dengan pelbagai pengisian program bertujuan untuk merai kejayaan dan pencapaian kaum wanita di samping memperjuangkan agenda wanita. Sehubungan itu, kementerian juga meraikan Hari Wanita bagi tahun 2019 dengan tema sambutan "**Seimbang untuk Sejahtera**". tema ini dipilih bersempena tema Hari Wanita Antarabangsa 2019 "*Balance for Better*". Tema ini dilihat bertepatan dengan fokus kementerian untuk mengangkat kepentingan kita semua bergerak secara kolektif ke arah mewujudkan keseimbangan dalam pelbagai aspek yang melibatkan wanita.
6. Keterlibatan kaum wanita amat diperlukan oleh negara yang membangun seperti Malaysia untuk bergerak maju ke hadapan. Dalam hal ini, tenaga kerja wanita tidak terkecuali daripada memainkan peranannya untuk bersaing bukan sahaja di peringkat nasional tetapi mampu berdiri sama tinggi menjadi pemain peringkat

global (*global players*) yang mengangkat imej negara di mata dunia. Sehubungan itu, kementerian dari semasa ke semasa akan sentiasa merancang dan melaksanakan inisiatif untuk menyokong pembangunan kapasiti tenaga kerja wanita terutama dalam bidang kemahiran dan kepimpinan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Mengikut statistik utama Tenaga Buruh Malaysia 2017, kadar penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan telah meningkat kepada 54.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini menggambarkan sumbangan wanita kepada pembangunan ekonomi adalah amat besar nilainya. Dengan jumlah wanita yang menghampiri separuh daripada populasi negara, ini merupakan suatu potensi yang boleh kita gerakkan ke arah pembangunan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus komited dalam memperkasakan golongan wanita dengan kemahiran dan kompetensi yang relevan.
8. Pelbagai inisiatif sedia ada telah dikaji semula dan ditambah baik, serta banyak lagi inisiatif baru akan mula dilaksanakan, melibatkan kumpulan sasaran yang lebih meluas kerana agenda pembangunan wanita tidak dapat dijayakan tanpa kesedaran, tanpa sokongan dan tanpa penglibatan inklusif semua golongan, ianya termasuklah lelaki dan wanita, dan merangkumi semua peringkat umur.
9. Usaha kementerian ini tentunya hanya dapat diperolehi dengan sokongan dan kerjasama padu agensi-agensi pelaksana yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan. Program

pembangunan wanita dalam suasana global yang pantas dan tidak mungkin boleh dijalankan secara isolasi. Ia memerlukan kolaborasi semua pihak untuk membolehkan kemahiran pelbagai pihak dapat digabungjalinkan bagi menghasilkan sesuatu program yang lebih berimpak.

PENGISIAN PROGRAM SAMBUTAN HW 2019 PERINGKAT KEMENTERIAN

10. Saya berpuas hati dengan aktiviti yang dijalankan di setiap booth kerana ianya menarik, berinformasi dan interaktif bagi menarik minat pengunjung. Pengisian aktiviti pula seperti sesi bual bicara, demonstrasi, sukaneka, permainan interaktif, bengkel keibubapaan dan senamtari juga telah diatur dengan baik bagi menambahkan keceriaan dan memeriahkan suasana. Aktiviti-aktiviti ini mempunyai kaitan secara langsung dengan program-program pembangunan wanita.
11. Justeru, saya menyeru ambillah peluang dan kesempatan ini untuk menjadi **Duta Kecil kepada WANITA** dalam memperkenalkan pelbagai inisiatif yang telah, sedang akan dilaksanakan oleh kementerian kepada yang hadir. Saya juga berharap kepada semua yang terlibat di booth masing-masing akan dapat berinteraksi secara positif dengan para pengunjung. Ini penting bagi membantu para pengunjung memahami dengan lebih baik program kementerian dan dapat berkongsi maklumat yang jelas dan tepat bagi mengelakkan kekeliruan. Kerjasama ini diharapkan akan membuahkan kesan positif kepada semua yang hadir.

SAMBUTAN SERENTAK: HARI WANITA 2019 DI SAMBUT SERENTAK SELERUH NEGARA

12. Saya dimaklumkan bahawa Hari Wanita 2019 juga disambut secara serentak di peringkat kementerian dan negeri menjadikan sambutannya lebih meriah dan dapat disertai oleh lebih ramai wanita. Saya bagi pihak kementerian sangat berbesar hati dan merakamkan penghargaan di atas kerjasama pelbagai kementerian dan agensi yang turut sama menjayakan sambutan HW2019 seperti KPKT, KPUN, Perbendaharaan, KBS, KKM dan INTAN Bukit Kiara yang menganjurkan Forum khas HW2019: Menangani Gangguan Seksual dan Keganasan Rumah Tangga.

JALINAN KERJASAMA DAN HADIAH ISTIMEWA KEPADA WANITA

Para hadirin sekalian,

13. Perancangan, persiapan dan pelaksanaan sambutan Hari Wanita yang diadakan secara serentak di seluruh negara tentu sekali melibatkan petugas yang ramai dan kerjasama semua pihak. Ia juga hasil komitmen dan kerjasama baik semua rakan pelaksana yang terlibat: Exco Wanita Negeri, agensi-agensi kerajaan, pihak NGO, pihak PBT dan semua yang telah bertungkus lumus membuat persiapan untuk sambutan Hari Wanita 2019.
14. Penghargaan juga turut diberikan kepada agensi yang melaksanakan inisiatif menyemarakkan lagi sambutan HW2019 ini dengan pembukaan kaunter laluan khas wanita di beberapa hospital

terpilih KKM dan cawangan terpilih Bank Simpanan Nasional. Selain itu, sambutan HW 2019 turut mendapat sumbangan tajaan barangan daripada Nestle, Meriel Beauty and Health dan Beauty House by Layla. Diskaun harga istimewa untuk wanita membeli-belah barangan dan makan minum juga turut diberikan oleh syarikat perniagaan yang terkenal seperti Starbuck Malaysia, CJ Wow Shop, Pusat Pakaian Hari-Hari, WR Empire Sdn. Bhd, Encik Bersih Premium Laundry, Habib Jewels yang boleh seperti dinikmati pada hari istimewa ini. Hadiah istimewa ini merupakan satu penghargaan kepada wanita di negara ini yang telah menyumbangkan segala usaha dan daya upaya dalam pembangunan dan kesejahteraan negara.

15. Syabas saya ucapkan dan mudah-mudahan usaha murni yang telah dicurahkan akan sentiasa dihargai dan diberkati Allah S.W.T.

Sebagai pengakhir kata,

*gadis rupawan berbaju kebaya
cantik menawan warisan bangsa
sikap sederhana berbakti mulia,
ciri murni wanita berjaya*

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Wanita 2019 peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.